



Kelantan hormati kepelbagaian agama, terus kukuhkan perpaduan kaum

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1447H | 07-11 DIS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Agenda Kelantanku Bersih perlukan komitmen bersama kerajaan, rakyat – TMB Kelantan

Anak Kelantan diseru rebut peluang sepenuhnya menuntut di Mesir

Pembangunan di Kelantan perlu diberi tumpuan serius – Dr Wan Martina

Kelantan kekal negeri harmoni, sejarah buktikan tiada perbalahan kaum – MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 6 Disember – Kelantan terus mengekalkan rekod sebagai sebuah negeri yang bebas daripada konflik antara kaum sejak dahulu, menjadikan keharmonian masyarakat pelbagai etnik sebagai aset yang wajib dipertahankan untuk generasi akan datang.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata sejarah negeri ini menunjukkan bahawa hubungan antara kaum sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni tanpa sebarang perbalahan besar yang menggugat perpaduan masyarakat.

"Dalam konteks keharmonian dan kemesraan kaum di Kelantan, kita bukan sekadar bercakap tetapi sejarah membuktikan tidak pernah berlaku perbalahan kaum di Kelantan ini," katanya ketika merasmikan Majlis Penerangan dan Pemimpin Bersama Rakyat (Masyarakat India) peringkat negeri di Kelantan Trade Centre, pada Jumaat.

Beliau menegaskan bahawa rekod perpaduan itu merupakan satu kelebihan dan identiti negeri yang tidak boleh digadaikan.

"Ini kelebihan dan keistimewaan yang mesti dipertahankan dan dikekalkan di negeri Kelantan



untuk selama-lamanya."

Menurutnya, kehadiran masyarakat pelbagai kaum di majlis itu juga membuktikan iltizam bersama untuk mengekalkan suasana aman tersebut.

"Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir yang mana pada hemat saya menjadi satu manifestasi kepada hasrat dan iltizam untuk melihat perpaduan dan keharmonian hidup di Kelantan dapat dikekalkan," ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pengelola program atas usaha berterusan dalam memperkukuh agenda perpaduan kaum.

"Tahniah kepada penganjur daripada Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) yang berusaha mening-

katkan perpaduan kaum di Kelantan.

Kami di peringkat kepimpinan negeri sentiasa cakna dan amat prihatin terhadap sebarang inisiatif untuk memartabatkan agenda perpaduan bagi melestarikan hubungan bermasyarakat yang baik," jelasnya.

Tambahnya, prinsip Islam yang menekankan keadilan untuk semua kaum menjadi dasar pentadbiran negeri dalam memastikan hubungan erat ini terus terpelihara.

"Prinsip Islam cukup jelas iaitu memberikan keadilan untuk semua serta tidak boleh menzalimi antara satu sama lain," katanya.

Menteri Besar turut mengingatkan bahawa mengekalkan keharmonian adalah usaha yang menuntut komitmen bersama.

"Kita juga sedar untuk ber-

“

Di Kelantan kita hidup sebagai satu keluarga sejak zaman berzaman. Kepelbagaian bahasa dan budaya adalah satu keistimewaan yang harus kita tonjolkan kepada masyarakat luar sebagai bukti perpaduan sejati ada di negeri Kelantan,”

pecah belah itu mudah tetapi untuk mengekalkan keharmonian pelbagai kaum suatu yang cukup sukar," ujarnya.

Beliau menyeru semua rakyat Kelantan untuk terus menghayati nilai kekeluargaan yang telah lama menjadi cara hidup masyarakat di negeri ini.

"Di Kelantan kita hidup sebagai satu keluarga sejak zaman berzaman. Kepelbagaian bahasa dan budaya adalah satu keistimewaan yang harus kita tonjolkan kepada masyarakat luar sebagai bukti perpaduan sejati ada di negeri Kelantan," ujarnya.

Majlis tersebut turut menyaksikan gimik sumbangan kepada NGO masyarakat India bagi tahun 2025, serta penyampaian duit raya kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.



Agenda Kelantanku Bersih perlukan komitmen bersama kerajaan, rakyat – TMB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 9 Disember – Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih Tahun 2025 merupakan simbol komitmen bersama memastikan negeri Kelantan terus maju, makmur dan bersih, jelas Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan dalam ucapan perasmian beliau di Dewan Tok Guru Bentara Setia, di sini, semalam.

Beliau merakamkan tahniah kepada YB Exco Kerajaan Tempatan, serta semua jabatan dan agensi yang bertungkus lumus sepanjang tahun 2025, menyifatkan sokongan padu dan komitmen tinggi inilah yang menjadi nadi kelangsungan program Kelantanku Bersih sebagai salah satu program flagship Kerajaan Negeri.

“Majlis ini suatu kesungguhan,



satu simbol komitmen bersama memastikan negeri Kelantan terus maju, makmur dan bersih,” katanya.

Dato' Dr Mohamed Fadzli turut menzahirkan penghargaan kepada sukarelawan, NGO, pihak sekolah, komuniti, persatuan penduduk dan seluruh rakyat Kelantan yang menjadikan kebersihan sebagai budaya hidup.

“Islam bukan hanya mementingkan kebersihan diri dan jiwa

tetapi juga kebersihan rumah, kawasan perumahan, negeri dan negara,” jelasnya.

Menurutnya, program Kelantanku Bersih merupakan identiti baharu negeri Kelantan.

“Kita mahu Kelantan bukan sahaja dikenali kerana sejarah, budaya dan daya tahan rakyatnya, tetapi juga kerana kejayaan penguurusan bandar, kebersihan kemudahan awam dan keindahan kawasan rekreasi,” ujarnya.



Beliau menekankan lima teras utama bagi menjayakan agenda Kelantanku Bersih iaitu kesedaran masyarakat berterusan melibatkan semua lapisan usia, pendidikan awal di sekolah, pengukuhan undang-undang dan penguatkuasaan, perluasan program Waste to Money bagi menjadikan kitar semula sebagai gaya hidup menjana pendapatan, serta kempen kreatif berterusan dengan komunikasi yang dekat dengan rakyat.

Kelantan hormati kepelbagaian agama, terus kukuhkan perpaduan kaum



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 6 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk terus menghormati pegangan agama masyarakat berbilang kaum walaupun negeri itu berpegang kepada dasar pentadbiran berteraskan Membangun Bersama Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, Kelantan telah lama menjadi model perpaduan masyarakat majmuk serta menitikberatkan keharmonian antara kaum dan agama.

Menurut beliau, dasar Membangun Bersama Islam yang bermula sejak era kepimpinan Almarhum



Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat diteruskan dengan fasa Merakyatkan Membangun Bersama Islam di bawah YB Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob dan memasuki fasa Penghayatan Membangun Bersama Islam di bawah YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Daud, bukan sahaja memperkukuh kedudukan Islam tetapi turut mengangkat nilai perpaduan serta rasa hormat terhadap agama lain.

“Kita di Kelantan ini ada masyarakat India, Cina, Orang Asli dan Siam, semuanya digabungkan dalam agenda persatuan dan perpaduan. Malah, kerajaan negeri menubuhkan Pusat Integrasi An-

tara Kaum (PEKA) bagi memastikan kebajikan, kesihatan dan hak masyarakat bukan Islam terus terjamin.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penerangan dan Pemimpin Bersama Rakyat (Masyarakat India) peringkat Negeri Kelantan di Dewan Kelantan Trade Centre (KTC), di sini semalam.

Program anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu turut dihadiri oleh Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Daud dan Ahli Parlimen Kota Bharu YB Dato' Seri Takiyudin Hasan dan sebahagian Ahli Dewan Negeri Kelantan

(ADN).

Menurut YB Mohd Asri lagi, kerajaan negeri turut menyalurkan peruntukan bagi menjalankan pelbagai aktiviti masyarakat bukan Melayu serta memastikan mereka menikmati skim bantuan yang ditawarkan kerajaan.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata bantuan kebajikan seperti skim al-it'am, iaitu pemberian sepuluh kilogram beras setiap bulan, turut diagihkan kepada penerima bukan Melayu dan bukan Islam di setiap kawasan DUN.

“Ini menunjukkan kerajaan negeri tidak meminggirkan mana-mana kaum walaupun dasar negeri berteraskan Membangun Bersama Islam,” tegasnya.

Tambah beliau lagi, Kelantan juga antara negeri yang menyediakan peruntukan bagi rumah ibadat bukan Islam seperti untuk pembinaan infrastruktur serta pengurusan hal ehwal agama mereka.

“Ini adalah model keharmonian terbaik yang kita mahu tonjolkan, bukan sahaja untuk Kelantan tetapi sebagai contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia,” katanya.

Asimilasi budaya sudah lama berakar di Kelantan - YB Hilmi

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 7 Disember - Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menegaskan bahawa asimilasi budaya di negeri ini telah wujud sejak turun-temurun dan menjadi asas keharmonian masyarakat majmuk Kelantan.

“Asimilasi budaya berlaku begitu lama sehingga orang Cina kacau bubur Asyura di depan tokong Cina kerana datuk nenek mereka sudah pernah lakukan dulu-dulu.

Di Kuala Krai ramai dalam kalangan kaum Cina dari luar Kelantan yang menjadi tauke kilang kayu mengaku suka tinggal di Kelantan. Tiada rekod pertumpahan darah di Kelantan. Kuala Krai tersenarai sebagai daerah paling bahagia di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Tahunan Jalinan Budaya dan Pertandingan Masakan Tradisional Kelantan 2025 yang berlangsung di Dewan Perniagaan Cina, di sini, pada Sabtu.



Menurutnya, tahun lalu program sama dilaksanakan di Gerbang Cheng Ho sebagai kesinambungan usaha meraikan perpaduan dan kebersamaan rakyat Kelantan.

YB Hilmi menyaran pihak penganjur memperluaskan konsep pertandingan pada edisi akan datang dengan pendekatan silang budaya.

“Tahun depan, penganjur boleh buat agar peserta Melayu memasak makanan kaum Cina, India atau Siam, manakala kaum lain turut menyediakan masakan dari budaya berbeza,” ujarinya.

Program tersebut turut men-

yaksikan YB Hilmi menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan memasak juadah tradisional mengikut kategori kaum.

Srikandi Puspanita MPKB-BRI muncul johan bagi kategori Melayu, Persatuan Guolin Qigong mengungguli kategori Cina, Kumpulan KB Jothi memenangi kategori India, manakala Khrua Siam menguasai kategori Siam.

Setiap johan menerima wang tunai RM400, bersama sekampit beras Nagasari dan sekampit beras basmathi tajaan Beras Era.

Terdahulu, Ahli Parlimen Kota Bharu YB Dato’ Seri Takiuddin



Hassan berkata, program anjuran MPKB-BRI itu memainkan peranan penting mengumpulkan seluruh masyarakat bandar dan luar bandar tanpa mengira kaum.

“Program tahunan ini berjaya mengumpulkan warga bandar dan masyarakat dari segenap pelusuk negeri bagi memupuk semangat perpaduan. Setiap kaum mempunyai kebudayaan masing-masing. Kerajaan Kelantan mengambil berat dan menghormati aset negeri dalam bentuk keluarga majmuk yang pelbagai kaum. Mudah-mudahan kita dapat hidup dalam ketenangan jiwa sampai ke anak cucu,” katanya.

Kerajaan negeri dengar pandangan pemain industri komunikasi di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Disember - Usaha mempertingkatkan rangkaian dan kesalinghubungan digital di Kelantan terus diperteguh apabila kerajaan negeri mengadakan satu sesi dialog melibatkan pemilik menara komunikasi dan penyedia infrastruktur telekomunikasi di sebuah hotel di Kota Bharu, pada Isnin.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital

dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat berkata, sesi berkenaan menjadi medan penting untuk menyelaraskan maklumat, meneliti cabaran semasa serta mendengar pandangan pemain industri berkaitan pembangunan infrastruktur komunikasi di Kelantan.

Menurutnya, disiplin komunikasi moden menuntut kerjasama erat antara kerajaan, agensi teknikal dan penyedia perkhidmatan bagi memastikan pelaksanaan yang holistik serta menepati keperluan

semasa rakyat.

“Sesi dialog ini turut disertai jabatan kerajaan serta syarikat pembina menara dan penyedia rangkaian komunikasi. Mereka memainkan peranan besar dalam memastikan kesalinghubungan rakyat Kelantan dapat dipertingkatkan secara menyeluruh,” katanya.

Tambahnya, maklum balas yang diterima sepanjang sesi dialog akan menjadi pemangkin kepada tindakan yang lebih terarah.

“Insya-Allah, segala maklum balas dan input yang diterima hari ini akan membantu memperkukuh usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan komunikasi yang lebih baik, stabil dan inklusif untuk seluruh rakyat Kelantan,” katanya melalui media sosial, pada Isnin.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah timbalannya, YB Kamaruzaman Mohamad merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perok.



Kelantan sasar komuniti peka kitar semula menjelang 2027

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 8 Disember - Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan sasaran melahirkan komuniti berpengetahuan dan berdisiplin dalam amalan kitar semula menjelang tahun 2027, menerusi pelaksanaan program Pengurusan Kitar Semula Alam Hijau (PKAH) yang diperluas ke seluruh sekolah dan komuniti di negeri ini.

Pengurus Besar Kelantan Utilities Mubaarakan (KUM) Dr Mohd Roshdi Hassan berkata pihaknya memperuntukkan RM24,000 setahun sebagai galakan kepada pelajar sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mempraktikkan amalan kitar semula secara konsisten.

Menurutnya, PKAH telah mula dilaksanakan sejak era Exco Alam Sekitar dan Teknologi Hijau terdahulu.

“PKAH bermula pada zaman YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin yang pegang dua portfolio iaitu Exco Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. Sekarang era strategi PMBI di bawah Dato’ Panglima Perang, portfolio tersebut dibahagikan dua – Alam Sekitar di bawah YB Hilmi dan Teknologi Hijau di bawah YB Dato’ Wan Roslan,” jelasnya.

Mengulas struktur pelaksanaan semasa, beliau menjelaskan baha-



wa dari segi pelaksanaan, program tersebut di bawah portfolio YB Hilmi, dari segi dana pula di bawah portfolio Dato’ Wan Roslan.

“Jadi, bila kita laksanakan PKAH dana disalurkan oleh portfolio Alam Sekitar. Tapi pelaksanaan e-PKAH atau kita nak rangka Pelan Induk Pembangunan Mampan yang baharu, di bawah dasar portfolio Teknologi Hijau.”

Jelasnya lagi, kesinambungan dua portfolio tersebut tidak menyebabkan perubahan dasar, bahkan mencipta ruang inovasi baharu untuk membentuk komuniti amalan hijau sejak kecil.

“Kedua-duanya saling berkait yang tidak melibatkan apa-apa perubahan tetapi mencipta inovasi yang menjadi satu komuniti amalan hijau daripada generasi yang mengamalkan gaya hidup lestari bermula dari bangku sekolah rendah.”

Beliau juga memaklumkan bahawa Kelantan akan melancarkan

Komuniti Amalan Hijau pada tahun 2027 sebagai penanda aras baharu ke arah negeri berbudaya lestari.

“Kita nak wujudkan generasi yang kasih kepada alam sekitar. Termasuk juga syarikat swasta wajar laksanakan Environment Social Governance (ESG). Kita sasarkan masyarakat yang ada kesedaran dan malu untuk membuang sampah merata-rata. Kita mohon kerjasama para penghulu untuk menyampaikan kempen ini kepada komuniti,” katanya pada Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih 2025 di Dewan Tok Guru Dato’ Bentara Setia, Kota Darulnaim, hari ini.

Mengulas perkembangan di peringkat sekolah, Dr Roshdi memberitahu bahawa tahap kesedaran pelajar menunjukkan peningkatan ketara, khususnya melalui program pertandingan kitar semula yang dijalankan secara bulanan.

“Pada setiap bulan, ada lima buah sekolah rendah dan lima



buah sekolah menengah dipilih untuk diberikan anugerah sebanyak RM200. RM2,000 sebulan diperuntukkan kepada 10 buah sekolah yang berjaya mengitar semula bahan terpakai.”

Beliau turut memaklumkan bahawa jumlah penerima insentif akan ditambah pada tahun hadapan.

“Tahun depan, insya-Allah kita akan naikan sehingga 15 penerima hadiah termasuk komuniti.”

Pada majlis tersebut, lapan buah sekolah yang komited melaksanakan aktiviti kitar semula dipilih sebagai penerima Anugerah PKAH 2025 berupa wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan.

“Hadiah ini sebagai insentif dan galakan untuk mereka membudayakan gaya hidup lestari selama-lamanya. Kita asuh dari usia rebung agar dewasa nanti mereka sudah sehati dan peka terhadap kebersihan, kitar semula dan amalan hijau,” katanya.

Uptown Wakaf Bharu bakal meriahkan suasana malam dan aktiviti keluarga

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 9 Disember – Projek Uptown Wakaf Bharu dijangka menjadi tumpuan baharu untuk keluarga dan masyarakat setempat apabila ia dilaksanakan tahun depan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah telah meninjau tapak cadangan pada Khamis lalu.

Beliau berkata inisiatif itu bertujuan menghidupkan suasana malam serta membuka peluang rezeki lebih luas kepada peniaga tempatan.

“Insya Allah, usaha ini bakal menjadi tumpuan baharu untuk sei-



si keluarga, anak muda dan peniaga setempat. Doakan moga dipermudahkan, tahun depan kita mula laksana usaha ini,” katanya.

Menurut Ketua Pegawai Tad-

bir DUN Wakaf Bharu Mohamad Amirul Izzuan Mohd Sharkan, lokasi cadangan Uptown adalah di perkarangan Pasar Wakaf Bharu, antara ruang depan pasaraya PKT

dan pasar, sehingga ke tempat parking tepi pasar ikan.

Tambahnya, hal berkaitan peniaga masih dalam perancangan dan pihak DUN akan membuka permohonan kepada mereka yang berminat.

“Semestinya kami akan buka permohonan dan pastikan semua peniaga mendapat peluang untuk berniaga di Uptown ini,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Antara tarikan yang dirancang termasuk tempat makan, ruang permainan kanak-kanak, tempat santai keluarga, serta Dataran Usahawan bagi memeriahkan Uptown tersebut.

Persembahan teaterikal semai ukhwah sejagat dalam jiwa kanak-kanak



Oleh: Norzana Razaly

PASIR MAS, 7 Disember – Pendedahan awal mengenai nilai kasih sayang sesama Muslim di seluruh dunia perlu diterapkan kepada anak-anak pra-sekolah bagi membentuk semangat ukhwah Islamiyah sejak kecil.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri Pengkalan Pasir YB Mohamad Nasriff Daud berkata pendekatan teaterikal berasaskan sejarah mampu menjadi pedagogi berkesan untuk menyemai kecintaan terhadap tanah air, di samping memberi kefahaman mengenai nasib saudara seagama di Palestin

yang berdepan kezaliman.

Beliau menzahirkan penghargaan kepada barisan guru PASTI Sumaiyyah Slow Machang yang tekun melatih murid-murid dalam menjayakan mini teater Solidariti Palestin dan persembahan nasyid bertemakan perjuangan rakyat kecil yang menjadi mangsa perang.

“Pendedahan melalui lakonan dan nasyid mampu menyedarkan anak-anak ini tentang kepentingan mengasihi tanah air sendiri. Mereka juga diajar bersyukur kerana berada dalam negeri yang aman dan mereka boleh ke sekolah tanpa sebarang sekatan,” katanya.

YB Nasriff berkata demikian se-



lepas merasmikan Majlis Anugerah Prestasi PASTI Peringkat DUN Pengkalan Pasir yang diadakan di Dewan Madrasah Nasrullah, Pohon Buloh pada Sabtu.

Menurutnya yang turut menyertai persembahan akhir kanak-kanak tersebut pada sesi nasyid Atuna Thufuli, latihan melalui interaksi sosial seperti simulasi jual beli yang dijalankan sepanjang majlis turut membantu mengukuhkan kemahiran komunikasi dan interpersonal kanak-kanak.

“Program seperti ini mampu mengangkat nilai kreativiti dan pembelajaran holistik dalam pendidikan awal kanak-kanak dan

mengukuhkan mesej solidariti serta kesyukuran terhadap nikmat keamanan yang dinikmati di negeri ini.

“Sepanjang majlis berlangsung, saya juga mendapati anak-anak mantan pelajar PASTI turut diundang dan dilatih berinteraksi dengan hadirin melalui sesi jual beli barang-barang makanan. Latihan ini sangat bagus untuk meningkatkan kebolehan interpersonal dan komunikasi sosial kanak-kanak. Mereka juga dapat menjadi contoh yang baik kepada adik-adik yang bakal bersekolah rendah pada tahun depan,” jelasnya.

Majlis tersebut turut mengiktiraf murid cemerlang melalui penganugerahan Tokoh Mumtaz PASTI Sumaiyyah Slow Machang yang disampaikan oleh YB Nasriff.

Penerima anugerah bagi kategori 6 tahun ialah Nur Amalina Natasya Ab. Rahman, manakala kategori 5 tahun diberikan kepada Nur Fatimah Hanani Muhammad Izzat dan Nur Aaliya Maryam Khairulazuan.

Anak Kelantan diseru rebut peluang sepenuhnya menuntut di Mesir



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Disember – Anak-anak Kelantan yang menuntut di Mesir diseru agar mengambil peluang sepenuhnya untuk menimba ilmu di bumi yang menjadi pusat rujukan pendidikan dunia sejak zaman berzaman.

Menteri Besar, YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa peluang berada di “lubuk ilmu” seperti Mesir bukan sesuatu yang harus dipersia-sia-

kan, sebaliknya memerlukan kesungguhan dan komitmen tinggi daripada para penuntut.

Menurutnya, kerajaan negeri juga sentiasa berusaha menyediakan pelbagai kemudahan serta meningkatkan keselesaan kepada para pelajar dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka dapat belajar dalam suasana kondusif.

“Kerajaan negeri Kelantan sentiasa komited terhadap aspek pendidikan dan pembangunan minda serta sahsiah rakyat. Mereka adalah pewaris yang kelak akan

kembali berkhidmat memimpin ummah ke jalan kebenaran,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan dengan anak-anak Kelantan di Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK) atau dahulunya dikenali sebagai Asrama Melayu Abbasiah. Pertemuan tersebut berlangsung dalam suasana mesra serta penuh kekeluargaan sempena lawatan kerja Menteri Besar Kelantan ke Mesir.

Dato’ Mohd Nassuruddin turut

merakamkan penghargaan kepada Menteri Penasihat (Pendidikan) di Kedutaan Besar Malaysia Kaherah Dato’ Shamsul Najmi Shamsuddin yang juga rakan beliau semasa menuntut di Universiti al-Azhar dahulu.

Ucapan terima kasih turut disampaikan kepada Pegawai Kebajikan Kelantan Timur Tengah serta para pelajar Keluarga Pelajar-pelajar Kelantan Mesir (KPKM) atas sambutan dan layanan terbaik sepanjang lawatan kerja beliau ke negara itu.



ICESCO Regional Conference 2025 perkukuh pembelajaran bahasa Arab berasaskan AI

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Disember – ICESCO Regional Conference 2025 memberi tumpuan utama terhadap pengukuhan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan negara bukan penutur jati melalui pendekatan digital dan kecerdasan buatan (AI), selaras dengan keperluan pendidikan masa kini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, berkata persidangan yang berlangsung di Yayasan Islam Kelantan (YIK) dari 8 hingga 11 Disember itu berada di bawah Program ICESCO–Hamdan Rasyid.

Persidangan tersebut memfokuskan pembangunan serta sokongan pengajaran bahasa Arab di negara-negara bukan penutur asli.

Menurutnya, inisiatif tersebut amat signifikan memandangkan bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai bahasa komunikasi antara-bangsa, malah bahasa al-Quran yang menjadi asas ilmu, tamadun dan penyatuan umat Islam.

“Acara ilmiah ini menghimpunkan pemimpin, ahli akademik dan pakar pendidikan dari dalam dan



luar negara, khususnya dalam bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab, termasuk penyertaan wakil negara-negara ASEAN,” katanya di media sosial, pada Isnin.

Beliau berkata, persidangan tersebut menjadi platform berprestij yang menggabungkan visi pendidikan, integrasi inovasi digital berasaskan AI serta kerjasama serantau dalam memperkukuh pengajaran bahasa Arab.

“Atur cara persidangan padat dengan syarahan pakar, forum ilmiah dan sesi perkongsian, menjadikannya inisiatif komprehensif ke arah memajukan pendidikan bahasa Arab di Asia Tenggara melalui pendekatan yang lebih kontemporari dan relevan,” katanya.

Antara tetamu kehormat yang

hadir ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri, Universiti Islam Selangor Dr. Latifa Bibi Musafar Hameed, Pengarah Yayasan Islam Kelantan Dato' Zulkiflie Ab Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perhubungan dan Pengantarabangsaan, BPI KPM Muhamad Fauzi Abdul dan Pengarah Pusat Pendidikan ICESCO Malaysia, Universiti Islam Selangor Dr Md Noor Hussin.

Wakil institusi dari negara ASEAN turut memeriahkan persidangan, termasuk Universiti Islam Sultan Sharif Ali (Brunei), Vietnam National University, Universitas Ahmad Dahlan (Indonesia), Prince Songkhla University (Thailand), Maahad Haji Fikri (Kemboja) dan Mindanao State University (Filipina).



Turut serta sebagai peserta aktif ialah para pendidik bahasa Arab dari pelbagai institusi antaranya guru-guru Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bahagian Pendidikan Islam (BPI) KPM, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), selain pensyarah dan pelajar daripada UIAM, UMK, UiTM, KIAS serta USIM.

Dato' Wan Roslan berharap penyertaan pelbagai pihak mampu memperkayakan wacana ilmiah serta menghasilkan dapatan bermanfaat dalam usaha memajukan pendidikan Islam dan bahasa Arab di seluruh rantau ini.

Terdahulu, beliau merasmikan persidangan bersempena sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia, yang berlangsung selama empat hari di YIK.

Kelstone sokong langkah Kerajaan Kelantan luluskan lesen mendulang emas



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 9 Disember – Kelstone Sdn Bhd (Kelstone) menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan pengeluaran lesen mendulang emas kepada rakyat negeri ini.

Sehubungan itu, Pengurus Besar Kelstone P.Geol Phakhrudin Abdullah berkata, langkah kerajaan negeri itu membuka ruang luas kepada rakyat untuk terlibat dalam aktiviti pendapatan baharu, sekaligus memberi nilai tambah kepada GLC negeri dalam merencanakan

pertumbuhan sektor perlombongan berasaskan mineral.

Beliau menyifatkan keterbukaan Kerajaan Kelantan meluluskan pengeluaran lesen mendulang emas di bawah Enakmen Mineral 2001 sebagai langkah strategik yang mampu memperkukuh ekosistem perlombongan negeri.

Menurutnya, keputusan itu memberi ruang baharu kepada rakyat untuk menjana pendapatan melalui aktiviti mendulang secara sah dan membuka peluang kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) meneroka pendapatan tambahan melalui pemantauan, penyelarasan dan penyertaan dalam aktiviti berkaitan.

“Ini adalah satu peluang yang baik pada pandangan peribadi saya yang telah berkecimpung lebih 20 tahun dalam industri perlombongan, dan sebagai Ahli Geologi Profesional berdaftar dengan Lembaga Geologi Malaysia dalam bidang

perlombongan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau menegaskan bahawa mandat yang diberikan kerajaan mampu direalisasikan Kelstone sekiranya diberikan peluang untuk melaksanakannya di kawasan yang telah diluluskan lesen carigali oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG), selain kawasan yang mempunyai Pajak Melombong (ML) atau Pajak Melombong Tuan Punya (PML).

Phakhrudin menambah bahawa aktiviti mendulang berskala kecil lazimnya memberi impak minimum terhadap alam sekitar serta tidak memerlukan kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Namun, langkah pemantauan tetap perlu dilaksanakan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui pelaksanaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan – EMP).

“Walaupun impak aktiviti mendulang ini adalah kecil dan tidak memerlukan EIA, langkah-langkah pengurusan alam sekitar tetap penting. Ia perlu dilaksanakan dengan sokongan JAS menerusi EMP supaya aktiviti rakyat selaras dengan garis panduan kelestarian negeri,” jelasnya.

Beliau turut menyeru agar pandangan berkenaan dibincang dan diperhalusi di peringkat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Anak Negeri yang dipertanggungjawabkan membangunkan sektor perlombongan di Kelantan, demi memaksimumkan manfaat kepada kerajaan, GLC serta rakyat.

“Keputusan kerajaan meluluskan lesen mendulang ini amat signifikan. Jika dirangka dan dipantau dengan struktur tadbir urus yang tepat, ia berupaya memberi impak positif dan menyeluruh kepada ekonomi negeri serta kesejahteraan rakyat Kelantan,” ujarnya.

Agenda Kelantanku Bersih **cerminan nilai, disiplin masyarakat** – YB Hilmi

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 9 Disember – Agenda Kelantanku Bersih adalah usaha membentuk perubahan sikap, tabiat dan budaya masyarakat ke arah negeri yang lebih berdisiplin, bersih dan sejahtera, demikian menurut Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah dalam ucapan aluannya pada Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih Tahun 2025.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku urus setia penajutan majlis tersebut.

Menurutnya, majlis sambutan itu sebagai platform untuk meraikan komitmen semua pihak khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Kelantan yang telah memainkan peranan besar dalam menjayakan agenda Kelantanku Bersih 2025.

“Agenda ini adalah kesinambungan hasrat kepimpinan negeri, yang melihat kebersihan bukan hanya urusan fizikal tetapi cerminan nilai, disiplin dan imej negeri Kelantan.



“Agenda perubahan sikap, peel perangai dan tabiat demi membina masyarakat yang berdisiplin,” katanya.

YB Hilmi turut menekankan bahawa usaha kebersihan negeri merangkumi pelbagai aspek bermula dari kebersihan bandar dan kampung, keceriaan taman rekreasi dan lokasi pelancongan, keindahan pasar borong dan tandas awam, lorong kecil, kawasan perumahan sehingga kepada pengurusan sisa pepejal dan kesihatan persekitaran.

Beliau menyifatkan PBT sebagai nukleus dan nadi dalam menjayakan keseluruhan agenda tersebut, dan menegaskan bahawa PBT-PBT di Kelantan kini berjaya

mengubah naratif bahawa Kelantan bukan lagi negeri kotor, tetapi negeri yang indah, bersih dan menawan.

Tambahnya, sepanjang tahun ini, pelbagai program telah dilaksanakan termasuk Jelajah Kelantanku Bersih ke PBT, Gotong-Royong Perdana serta Riadhah Sambil Kutip Sampah yang mendapat penyertaan pelbagai peringkat komuniti.

Dalam aspek penguatkuasaan, YB Hilmi berkata mulai tahun 2024, ketegasan telah ditingkatkan melalui pemasangan CCTV bagi merakam perbuatan pembuangan sampah haram.

“Kita rakam, kita kompaun dan kita saman. Kita cari golongan mi-



noriti yang masih ingar ini hingga ke pintu rumah,” tegasnya.

Untuk tahun 2025, sebanyak RM8.51 juta telah disalurkan kepada PBT bagi tujuan kebersihan, keceriaan serta pengurusan sisa pepejal. Manakala Belanjawan Kelantan 2026, kerajaan negeri telah meluluskan RM12 juta bagi meneruskan agenda Kelantanku Bersih dan Persekitaran Lestari.

Turut disampaikan, Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri bagi Pembelian Tong Sampah kepada PBT, melibatkan implikasi kewangan RM1,577,630.00, sebagai tanda sokongan kerajaan negeri dalam memperkukuh mutu pengurusan sisa pepejal di kawasan pentadbiran PBT.

XPDC 4x4 di Gunung Reng **tonjol keindahan alam dan warisan Kelantan**



Oleh: Syamimi Manah

JELI, 7 Disember – Program XPDC 4x4 Jelajah Warisan dan Pesona Pelancongan yang berlangsung selama dua hari di Gunung Reng Eco Park, Jeli berjaya menghimpunkan komuniti lasak kenderaan pacuan 4 roda serta mempromosikan pesona pelancongan desa di Kelantan.

Program berlangsung pada 4 dan 5 Disember itu disempurnakan

perasmiannya oleh Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor. Beliau juga melakukan gimik pelepasan konvoi 30 buah kenderaan 4x4 di Gua Reng Eco Park, Jeli, sebelum memulakan perjalanan ke Kampung Kalai.

Menurutnya, konvoi itu menyusuri laluan lasak sambil menikmati panorama kampung, alam semula jadi serta warisan setempat



“Program ini menghimpunkan sebanyak 30 buah kenderaan 4x4 yang memulakan kembara mereka dari Gua Reng Eco Park sehingga ke Kalai, menyusuri laluan lasak sambil menikmati panorama kampung, alam semula jadi serta warisan setempat,” katanya di laman rasmi pada Jumaat.

Beliau berkata, pendekatan itu bukan membuka ruang lebih luas untuk mempromosikan destinasi

pelancongan desa yang mempunyai nilai sejarah dan keunikan tersendiri.

“Inisiatif ini bukan sahaja mengukuhkan silaturahim sesama komuniti 4x4, malah membuka ruang promosi kepada destinasi pelancongan desa yang penuh nilai sejarah dan pesona tersendiri.

“Pendekatan seperti ini mampu memperkenalkan keunikan Kelantan kepada lebih ramai pengunjung, terutama peminat aktiviti lasak dan eco-pelancongan,” ujarnya.

Datuk Kamarudin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pihak penganjur daripada Kelab Sahabat Setia Rimba.

“Syabas kepada semua penganjur dan peserta atas kejayaan program ini. Semoga usaha sebegini terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelancongan negeri,” ujarnya.

Pembangunan di Kelantan perlu diberi tumpuan serius - Dr Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 10 Disember – YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff menegaskan bahawa Belanjawan 2026 perlu memberikan tumpuan yang lebih agresif dan menyeluruh terhadap pembangunan Kelantan, khususnya dalam isu keperluan asas rakyat, ekonomi serta kesejahteraan sosial negeri.

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan pada 8 Disember, beliau menyuarakan rasa keprihatinan mendalam terhadap apa yang dilihat sebagai peruntukan yang tidak selari dengan keperluan mendesak Kelantan, terutama melibatkan isu bekalan air bersih dan sanitasi.

Menurutnya, peruntukan terse-

but perlu diletakkan di bawah satu dana khas bersepadu yang dipantau dengan lebih ketat agar kelewatan birokrasi yang melibatkan pelbagai agensi dapat dielakkan.

“Kelantan memerlukan peruntukan yang bersifat pencegahan radikal, bukan sekadar pemulihan sementara. Peruntukan untuk Projek Tebatan Banjir Sungai Golok juga perlu mengambil kira peningkatan kos bahan binaan serta kesan ekonomi jangka panjang dan tekanan psikologi yang ditanggung rakyat,” katanya.

Beliau turut menegaskan kepentingan memperkasakan fungsi Kelantan sebagai Gerbang Timur ke Thailand dan Indochina, termasuk pembangunan infrastruktur perdagangan di Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor yang menurutnya belum diberi keutamaan sewajarnya.

Dr. Wan Martina juga menuntut perhatian segera Kerajaan Persekutuan terhadap Tok Bali Supply Base (TBSB), aset pelabuhan strategik Kelantan yang terletak berhadapan laluan perdagangan Laut China Selatan.

“Kerajaan perlu mengumumkan satu peruntukan permulaan bagi menaik taraf TBSB sebagai pelabuhan nasional serta membentangkan pelan pembangunan pelabuhan timur Semenanjung secara terperinci,” ujarnya.

Dalam sektor pertanian, beliau menggesa peruntukan lebih besar bagi infrastruktur pengairan moden agar hasil dapat ditingkatkan dan Kelantan tidak kekal sebagai negeri pertanian sara diri.

Beliau turut menekankan keperluan meningkatkan peruntukan Pembangunan Vokasional dan Latihan Teknikal (TVET), termasuk penubuhan Pusat Kecemerlangan TVET berfokus teknologi masa depan bagi mengelakkan fenomena brain drain.

Selain itu, Dr. Wan Martina mendesak agar jumlah pakar perubatan serta kemudahan kesihatan di Kelantan ditambah segera, khususnya melalui pembinaan dan naik taraf hospital daerah.

Menyentuh isu pengurusan bencana, beliau mencadangkan pembinaan Pusat Pemindahan Kekal (PPK) di setiap daerah berisiko

banjir bagi mengurangkan gangguan terhadap sistem persekolahan akibat penggunaan pusat pemindahan sementara.

Beliau turut mengangkat isu reformasi institusi dan perundangan, terutama melibatkan kedudukan undang-undang jenayah Syariah susulan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra dan Nik Elin.

“Bagi memulihkan semula kuasa negeri dalam menggubal undang-undang Syariah, negara perlu mempertimbangkan langkah pembetulan di peringkat Perlembagaan Persekutuan,” katanya.

Ahli Dewan Negara itu turut menggesa Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan penubuhan Pejabat Bajet Parlimen (PBO) sebagai institusi bebas serta menilai cadangan pemansuhan jawatan Setiausaha Politik (Setpol) bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.

“Saya berharap Dewan Negara terus memastikan keseimbangan kuasa Persekutuan dan Negeri dipelihara, serta wang rakyat diurus dengan penuh amanah,” ujarnya.

505 keluarga di Kepulauan Tumpat dapat manfaat air bersih

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 11 Disember – Projek Sistem Pressure Filter di Kampung Laut kini meningkatkan kualiti bekalan air buat 505 keluarga melibatkan tujuh kampung di Kampung Pulau Seratus, Kampung Pulau Beluru, Kampung Teluk Renjuna, Kampung Chat, Kampung Pulau Besar, Kampung Pulau Gorek dan Kampung Sungai Pinang serta kawasan sekitarnya.

Mantan Menteri Besar Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan YB Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yaakob bersama Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail mengadakan lawatan kerja ke Tapak Tangki/Telaga Kampung Laut bagi meninjau projek tersebut, hari ini.

Turut bersama dalam lawatan itu ialah ADN Kelaboran YB



Mohd Adanan Hassan dan ADN Wakaf Bharu YB Rusli Abdullah

Projek yang bernilai RM400,000 itu dilaksanakan oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) melalui bantuan Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan (JSANK)

Dato' Ahmad Yaakob memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu bekalan air di Kelantan

“Selama ini kita memang ada masalah tak cukup air dan masih juga berlaku sekarang. In Shaa Allah dengan proses ini kita dapat



membantu menyelesaikan masalah penduduk di kepulauan Tumpat dan sekitar.

“Kita sentiasa berusaha menyelesaikan masalah air tetapi tidak secara automatik, makan masa. Seperti mana projek di Kampung Pengkalan Nangka, Tumpat, tapak sudah ada, kita tunggu tender, Insya-Allah akan diselesaikan secara berperingkat,” katanya.

Timbalan Pengurus Besar Operasi dan Teknikal AKSB Azlee Aladin memaklumkan bahawa AKSB telah membina dua unit telaga

tiub untuk menambah bekalan air. Bagaimanapun, air daripada telaga tiub itu mengandungi kandungan ferum yang tinggi dan tidak sesuai disalurkan terus kepada pengguna.

Bagi mengatasi masalah tersebut, satu unit penapis tekanan telah dibangunkan bagi memastikan air yang diproses mencapai piawaian kualiti. Projek itu mengambil masa tiga bulan bermula pada 15 Ogos 2025 dan siap sepenuhnya pada 16 November 2025.

Selain projek yang telah siap, AKSB turut memaklumkan dua projek lain bagi memperkukuhkan sistem bekalan air di Tumpat, iaitu pembinaan telaga baharu di Medan Telaga LRA Wakaf Bharu yang kini dalam pembinaan dan dijangka siap pada 2026, serta pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pengkalan Nangka yang sedang dalam peringkat reka bentuk dan disasarkan siap pada tahun 2029.

YIK terus memperkasa pendidikan Islam, lahirkan Generasi Rabbani - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 Disember - Yayasan Islam Kelantan (YIK) terus memainkan peranan besar dalam mendidik dan membentuk sahsiah masyarakat negeri itu sejak puluhan tahun lalu, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, YIK bukan sahaja menjadi tonggak dalam memperkukuhkan sistem pendidikan Islam bersepadu, malah turut memperluas jaringan pendidikan melalui sekolah menengah agama dan institusi tahfiz yang menawarkan aliran qiraat, sains serta vokasional.

"Ini menjadikan YIK sebagai kilang yang memproses dan memberikan didikan bersepadu kepada rakyat Kelantan khususnya, serta negeri-negeri lain amnya," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari YIK, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, graduan YIK saban tahun berjaya melanjutkan pengajian ke pelbagai bidang sehingga melahirkan tokoh politik, akademik dan profesional yang disegani.

Beliau turut menegaskan komitmen kerajaan negeri dalam memperkasa agenda pendidikan mel-



alui pengukuhan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan yang sentiasa dipantau pelaksanaannya.

"Saya mahu dasar ini dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia amat penting untuk menangani kebejatan sosial yang semakin berleluasa. Kita juga mahu melahirkan generasi Rabbani yang mampu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran," katanya.

Selain YIK katanya, kerajaan turut memperkukuh Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam memperkasakan agenda pendidikan, yang mana KIAS kini menawarkan pengajian sehingga ke peringkat PhD berbanding hanya diploma pada awal penubuhannya.

Beliau berkata usaha itu termasuk membuka ruang kerjasama

dengan institusi pengajian tinggi luar negara bagi memberi peluang lebih luas kepada pelajar.

Menteri Besar turut menaruh harapan tinggi agar warga YIK terus menjaga reputasi dan kece-merlangan yang telah dibina di samping merakam penghargaan kepada semua penerima hadiah dan anugerah pada majlis berkenaan, sambil berharap ia menjadi pemangkin motivasi untuk terus mencapai kecemerlangan.

"Kepada para guru, selain mengajar, mereka perlu menjadi contoh teladan melalui dakwah bil hal untuk membentuk keperibadian pelajar," katanya.

Dalam majlis tersebut, pelbagai anugerah turut disampaikan. Antaranya anugerah tokoh pendidik YIK, anugerah pelajar mithali, anugerah pelajar cemerlang dalam

“

Saya mahu dasar ini dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia amat penting untuk menangani kebejatan sosial yang semakin berleluasa. Kita juga mahu melahirkan generasi Rabbani yang mampu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran,”

peperiksaan utama, anugerah peningkatan GPS dalam peperiksaan utama dan banyak lagi.

Tokoh pendidik YIK 2025 dianugerahkan kepada Ustaz Muhamed Ya dan disampaikan oleh Menteri Besar. Beliau menerima cek bernilai RM10,000, plak, sehelai blazer dan sijil penghargaan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, Penasihat Negeri Kelantan YB Dato' Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, sebahagian Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pengarah YIK Dato' Zulkifli Abdul Rahman.



Khidmat Malaysia Tumpat perkemas kesiapsiagaan banjir gelombang kedua

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 5 Disember – Khidmat Malaysia Tumpat memperkemas kesiapsiagaan menghadapi banjir gelombang kedua dengan melancarkan sukarelawan Khidmat Malaysia Tumpat, bot bantuan, serta kutipan dana dalam Majlis Pelancaran Sukarelawan dan Kutipan Sumbangan Banjir yang berlangsung di Padang Sriti Ibadurrahman, Tumpat, hari ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yaakob yang menekankan keperluan bermuhasabah terhadap musibah yang semakin kerap berlaku.

“Akhir-akhir ini banyak musibah yang berlaku di negara dan luar negara seperti banjir, taufan, gempa bumi, tsunami ke atas manusia akhir zaman.

“Kita kena sentiasa bermuhasabah supaya berlaku sesuatu musibah itu bukan kerana perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan turut memaklumkan bahawa Khidmat



Malaysia Tumpat sentiasa bersedia dari segi pengurusan kecemasan dan bencana bagi memastikan tindak balas lebih cepat dan tersusun.

Pengarah Khidmat Malaysia Negeri Kelantan merangkap ADN Mengkebang YB Zubir Abu Bakar memuji inisiatif Tumpat sebagai kawasan pertama yang melancarkan kutipan sumbangan banjir di peringkat daerah.

“Tahniah kepada Khidmat Malaysia Tumpat atas penganjuran majlis ini. Tumpat Khidmat Malaysia pertama lancarkan kutipan banjir,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa Khidmat Malaysia di peringkat negeri dan pusat merupakan penyelaras

bencana yang diiktiraf oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

“Penghargaan kepada semua sukarelawan Khidmat Malaysia yang membantu misi-misi banjir di Tumpat” ujarinya.

Sementara itu, Penasihat Khidmat Malaysia Tumpat yang merupakan ADN Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata majlis tersebut merupakan usaha mengumpulkan kekuatan menghadapi banjir yang saban tahun melanda daerah itu.

“Syukur kita berkumpul untuk mengumpul kekuatan menghadapi banjir. Jentera di Tumpat sentiasa bersedia sedia kerana Tumpat memang daerah yang selalu ban-

jir,” jelasnya.

Dato' Wan Roslan turut berkongsi pencapaian Khidmat Malaysia Tumpat tahun lalu.

“Kejayaan Khidmat Malaysia Tumpat banjir tahun lepas telah berjaya membaik pulih 8 buah rumah dengan kos RM70,000. Di mana banjir tahun lepas 19 buah rumah musnah dan sepuluh buah rumah hanyut di Tumpat,” katanya.

Majlis berkenaan turut menyaksikan pelancaran sukarelawan Khidmat Malaysia Tumpat, gimik penyerahan bot serta penyerahan sumbangan dan kutipan dana bagi persiapan menghadapi musim banjir tahun ini.

Pembinaan Balai Komuniti Orang Asli Kampung Galang hampir siap



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Disember – Pembinaan balai komuniti baharu bagi masyarakat orang asli di Kampung Galang, Pos Hau Gua Musang kini hampir siap dan dijangka boleh digunakan dalam masa terdekat.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zam-

akhshari Muhammad berkata pembinaan balai komuniti itu dilaksanakan secara gotong-royong oleh penduduk dengan bantuan sumbangan pejabat exco melalui Pusat Khidmat Penyelia DUN Galas.

“Alhamdulillah, nampak sudah hampir siap dan dijangka boleh mula digunakan oleh penduduk di sini dalam masa terdekat,” katanya menerusi media sosial, pada

Rabu.

Menurutnya, sebelum ini Kampung Galang sudah mempunyai sebuah balai komuniti, namun keadaannya semakin uzur dan perlu dinaik taraf. Penduduk kemudian mengemukakan permohonan sumbangan bagi membina balai baharu.

“Cantik dan kreatif juga hasil air tangan mereka. Tahniah kepada

semua penduduk yang membina balai ini secara gotong-royong,” katanya.

Kampung Galang menempatkan kira-kira 70 buah rumah dengan anggaran 300 penduduk, dan ramai juga dalam kalangan mereka beragama Islam.

Terdahulu, YB Zamakhshari bersama Penyelia DUN Galas Mohd Tarmizi Abdul Rahman menyantuni masyarakat orang asli di kampung tersebut sambil mendengar sendiri isu-isu setempat untuk perhatian kerajaan negeri.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk Mohd Tarmizi, Penghulu Tanpa Mukim Orang Asli DUN Galas Jumat serta Tok Batin dan seluruh penduduk Kampung Galang atas kerjasama mereka.

Suara masyarakat India buktikan keharmonian kaum di Kelantan terpelihara

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 7 Disember 2025 – Masyarakat India yang menghadiri Majlis Penerangan dan Pemimpin Bersama Rakyat (Masyarakat India) pada 5 Disember lalu menyifatkan Kelantan sebagai negeri yang paling harmoni untuk didiami, dengan hubungan antara kaum yang rapat dan suasana hidup yang saling menghormati.

Bagi mereka, perpaduan di Kelantan bukan sekadar slogan tetapi realiti kehidupan seharian yang dirasakan di kampung, bandar dan kawasan penempatan masing-masing.

Nagamani Ratanakumar, 42, peniaga dari Kampung Tiong yang tinggal di Pasir Tumboh berkata beliau hidup selesa dan aman walaupun menjadi satu-satunya keluarga India di kawasan tersebut.

“Duduk di Kelantan, saya suka sangat sebab sini kita boleh bergaul mesra dengan semua kaum tak kira Melayu, Cina, India dan Siam. Di kampung saya pun semua orang Melayu. Walaupun di Pasir Tumboh saya seorang sahaja orang India tapi hidup aman damai. Tiada masalah



dengan jiran-jiran, saya pun hidup bahagia,” katanya.

Nagamani turut menghargai kemudahan yang disediakan kerajaan negeri untuk masyarakat India.

“Di bandar Kota Bharu ada satu tempat sembahyang. Kami kaum India boleh sembahyang molek-molek. Kerajaan negeri pun beri peluang. Kerajaan negeri dah buat apa yang kita nak. Tempat sembahyang ada, rumah pun ada bagi kepada yang kurang berkemampuan,” katanya.

Sementara itu, Velu Veeraiah, 48, yang menetap di Kota Bharu berkata keluarganya sudah tiga generasi tinggal di Kelantan dan tidak pernah berdepan isu diskriminasi.

“Keluarga saya dah tiga generasi di Kelantan. Datuk saya, ayah saya



dan saya. Memang kita tak jumpa perpaduan di Kelantan ini di negeri lain. Tiada diskriminasi kaum, kami dah macam keluarga di Kelantan,” katanya.

Bagi Jothi Veeriah, 44, Kelantan bukan sahaja aman, malah memikat dari sudut kehidupan harian.

“Saya sangat seronok duduk di Kelantan. Makanan kegemaran saya pun nasi kerabu,” ujarnya.

Turut berkongsi pengalaman, Moganambaal Govalkrishnan, 35, yang berasal dari Kedah tetapi sudah 16 tahun menetap di Kelantan, berkata masyarakat di negeri ini sangat membantu.

“Jiran saya dulu orang Melayu di Kedai Mulong, betul-betul bagus. Kita susah pun dia tolong belikan buah-buahan atau barang-barang

keperluan,” ujarnya.

Bagi generasi muda pula, perpaduan di Kelantan turut dirasakan sejak di bangku sekolah. Krishnam Naidu Shammugam, 14, dari Kampung Terbok, Tumpat berkata masyarakat di Kelantan lebih menghormati kaum India berbanding di sesetengah negeri lain.

“Saya bangga tinggal di Kelantan sebab kalau pergi negeri lain, tiada sangat hormat kepada orang India. Tapi kalau di Kelantan, mereka hormat kita. Kalau saya pergi sekolah ke pergi kedai ke, orang Melayu suka tanya khabar dan tegur saya,” katanya.

Turut hadir membuat persembahan pada majlis itu ialah wakil India Muslim dari Kedah Dr. Azahar Abdul Aziz, 47, yang memuji suasana harmoni masyarakat di negeri ini.

“Saya ni dah kali ke-6 datang Kelantan, saya suka tengok di Kelantan suasana yang sunyi dan tenang. Program pada malam ini saya suka tengok sebab masyarakat India di Kelantan boleh hidup macam satu keluarga dengan kaum lain” jelasnya.

Majlis Daerah Machang Johan Anugerah Kecemerlangan PBT 2025

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 8 Disember – Majlis Daerah Machang (MDM) dinobatkan sebagai Johan Anugerah Kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2025 pada Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih Tahun 2025 di Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

MDM membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000, trofi dan sijil penghargaan. Penilaian anugerah utama itu merangkumi tahap kebersihan persekitaran pejabat, kebersihan kawasan pentadbiran PBT, kecekapan pengurusan organisasi serta kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah dan timbalannya, YB Dato’ Abd Rahman Yunus.



Naib Johan dimenangi oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) membawa pulang RM10,000, manakala tempat ketiga ialah Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam (RM5,000).

Bagi kategori individu, Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Machang Mohd Zamri Ibrahim, dipilih sebagai YDP PBT paling proaktif, manakala Asmadi Abdullah dari Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam menerima Anugerah Ikon Kebersihan PBT atas sumbangan dan kepimpinan beliau dalam memupuk bu-

daya kebersihan di komuniti.

Antara pemenang lain termasuk Taman PBT Terbersih dan Ceria, dengan Johan dimenangi Taman Tasik Kuala Krai, Naib Johan (Taman Rekreasi Gua Ikan, Dabong) dan tempat ketiga (Taman Guillemard View, Tanah Merah).

Bagi kategori Tandas Awam PBT Terbersih, Johan dimenangi Tandas Awam Pasar Siti Khadijah (MPKB-BRI), Naib Johan, Padang Kemahkotaan @ Pata Ndo (Majlis Daerah Tumpat), manakala tempat ketiga (Tandas Awam Pantai Irama, Bachok).

Kategori Pasar Awam PBT Ter-

bersih menyaksikan kemenangan Pasar Tok Guru Cabang 3, Pengkalan Chepa (MPKB-BRI) sebagai Johan, Naib Johan pula ialah Pasar Siti Hajar, Pasir Puteh dan tempat ketiga ialah Pasar Tasek Raja, Pasir Mas.

Bagi Premis Makanan Terbersih, Johan dimenangi Restoran Laila Majnun, Lata Keding, Jeli, Naib Johan diraih Restoran Al-Khatiri, Kubang Kerian manakala tempat ketiga milik Warung Muse Eco Park, Gua Musang.

Kategori Taman Perumahan Terbersih menyaksikan Johan (Taman Kota Harmoni, Tanah Merah), Naib Johan (Taman Desa Telipot, Kota Bharu) dan tempat ketiga (Taman Kintas Mas, Bachok).

Turut disampaikan Anugerah Pengiktirafan Sekolah Bersih dan Ceria kategori Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, dan Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Islam penyelesaian segala kepincangan masyarakat – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Disember – Masyarakat perlu dikembalikan keyakinan bahawa hanya dengan kembali tunduk kepada tuntutan wahyu mampu menangani segala bentuk kepincangan dan kegusaran sosial yang semakin meruncing dalam negara, tegas Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud.

Menurutnya, masyarakat kini berdepan keruntuhan sahsiah yang sangat membimbangkan apabila pelbagai jenayah berlaku di merata tempat, termasuk di dalam kawasan sekolah.

“Keruntuhan keperibadian remaja khususnya, malah melibatkan golongan dewasa, semakin parah. Tidak cukup dengan jenayah penyalahgunaan dadah, rasuah, penyelewengan kuasa, bunuh dan sebagainya, negara terus digemparkan dengan kes rogol dan buli, bahkan tragedi pembunuhan tragis dalam pagar sekolah.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Yayasan Islam Kelantan (YIK) 2025, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim pada Sabtu.



Beliau turut mendedahkan statistik terkini Kementerian Pendidikan Malaysia yang merekodkan lebih 7,600 kes buli sepanjang 2024, menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya.

Mengulas punca gejala sosial tersebut, beliau berkata media sosial kini seolah-olah menjadi guru utama kepada pelajar, dengan platform seperti TikTok, Instagram dan YouTube bukan lagi sekadar hiburan, sebaliknya medan pembentukan identiti dan tingkah laku.

Kajian CyberSecurity Malaysia turut menunjukkan sebahagian besar pelajar sekolah menengah pernah terdedah kepada kandungan tidak sesuai, termasuk bahan lucah, secara tidak sengaja melalui platform digital.

“Fenomena cabaran viral berbahaya, budaya hedonisme dan gaya hidup bebas semakin diterima sebagai norma. Tanpa kawalan dan bimbingan, media sosial boleh menjadi pintu masuk kepada keruntuhan akhlak,” katanya.

Menteri Besar menegaskan bahawa penyelesaian menyeluruh terhadap masalah sosial ini hanya boleh dicapai melalui pelaksanaan sistem dan nilai Islam secara komprehensif.

“Ia tidak memadai sekadar menerapkan pengajian agama sedangkan faktor perosak di luar sana dibiarkan bebas tanpa penguatkuasaan berkesan. Di sinilah pentingnya kekuasaan dalam pentadbiran supaya dasar dan polisi berpaksikan agama dapat dilaksanakan,” jelasnya.



Beliau menambah, perubahan ke arah kehidupan sejahtera berteraskan Islam tidak boleh hanya berlaku di Kelantan atau beberapa negeri sahaja, tetapi perlu diperluas sehingga ke peringkat Persekutuan untuk membina Malaysia yang benar-benar sejahtera.

Beliau turut mengingatkan bahawa Rasulullah SAW telah menggariskan kaedah penyelesaian mendasar yang perlu diberi perhatian, termasuk pemilihan pasangan yang baik, pembinaan rumahtangga mawaddah serta mendidik anak mendirikan solat sejak kecil.

“Pemilihan sahabat juga penting kerana ia membentuk jati diri dan hubungan seseorang dengan Allah SWT,” ujarnya.

Tanaman rumput minyak memudahkan penternak di musim hujan – Exco Pertanian



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Disember – Usaha penanaman rumput minyak yang dijalankan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC) di Kelantan BioArt memudahkan penternak untuk mendapatkan bekalan makanan haiwan ternakan khususnya ketika musim

hujan, kata Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Menurutnya, kawasan seluas 40 ekar di Jeram Pasu kini ditanam dengan rumput minyak yang kemudiannya diproses menjadi silaj dalam bentuk baler.

“Inisiatif ini membantu memas-



tikan bekalan makanan ternakan kekal stabil meskipun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

“Rumput yang diproses itu bukan sahaja tahan lama, malah mampu meningkatkan selera haiwan ternakan.

“Setiap baler seberat antara 30 hingga 40 kilogram dan dijual pada

harga RM15, sekali gus menjadi alternatif lebih mudah dan berpatutan kepada para penternak,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Penternak yang berminat boleh menghubungi KBC atau datang sendiri ke tapak Kelantan BioArt di Jeram Pasu bagi mendapatkan bekalan. Usaha ini dilihat dapat membantu penternak yang menghadapi kesukaran mendapatkan rumput segar.

Tambah Dato' Tuan Mohd Saripudin, rumput minyak yang dibungkus dalam bentuk baler mampu bertahan sehingga satu bulan selagi tidak dibuka, menjadikannya pilihan yang praktikal untuk penyimpanan jangka sederhana.

Eksplorasi agro DUN Gaal: Kerajaan negeri teliti potensi agro lebih menyeluruh

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Disember - Siri lawatan kerja Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan ke DUN Gaal membuka ruang baharu kepada kerajaan negeri menilai potensi agro secara lebih menyeluruh, dengan memberi perhatian khusus kepada suara pesawah dan kapasiti sebenar komoditi makanan negeri.

Lawatan diketuai exconya, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaafar itu meninjau lima lokasi tumpuan yang merangkumi tanaman padi, kelapa SGG, fertigasi, nangka madu serta sistem pengairan sawah. Setiap lokasi menunjukkan kekuatan tersendiri yang berpotensi memperkukuh agenda sekuriti makanan Kelantan.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, penilaian lapangan ini penting kerana ia membabitkan isu asas pengeluaran makanan negeri.

"Setiap lokasi menonjolkan potensi tersendiri. Namun apa yang lebih penting, kita mendengar sendiri suara petani mengenai isu



pengairan, input pertanian, kitaran tanaman dan baik pulih infrastruktur. Ini semua perlu ditangani secara sistematik," katanya menerusi media sosial.

Tinjauan bermula di Kampung Gong Garu yang menjadi nadi ekonomi pesawah setempat. Rombongan mendengar pelbagai keperluan termasuk penambahbaikan sistem pengairan dan keperluan menaik taraf Kawasan Operasi Rumah Pam Taweh.

"Saya akan berbincang dengan JPS Kelantan untuk menyelaras isu-isu yang dibangkitkan," ujarnya.

Eksplorasi diteruskan ke Kampung Gong Mengkelih bagi menilai

perkembangan tanaman Kelapa SGG yang semakin menjadi pilihan industri. Delegasi meneliti teknik penanaman, susun atur ladang, penjagaan serta potensi rantaian nilai baharu termasuk santan, air kelapa, minyak kelapa dara dan produk hili-ran lain.

Rombongan juga melawat projek Nangka Madu Al-Falah yang digerakkan Pusat Khidmat DUN Gaal dengan penyertaan 20 peserta. Antara lokasi diketengahkan ialah kebun milik anak muda tempatan Zarudi Hassan di Kampung Wakaf Raja.

Penekanan juga diberi kepada agronomi, kawalan perosak dan pe-

luang memperluaskan rantaian nilai sehingga ke pemprosesan produk.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, permintaan nangka madu terus meningkat dengan kedudukannya sebagai buah premium bernilai tinggi.

Di Pusat Khidmat DUN Gaal, delegasi mengikuti taklimat mengenai penanaman Kelapa SGG oleh Jabatan Pertanian Kelantan sempena kempen "Tane Nyor" Al-Falah. Fokus penjelasan merangkumi penjagaan akar, jarak tanaman optimum, pembajaan berkala dan strategi mempercepatkan kematangan tanaman.

"Kelapa mempunyai potensi sebagai komoditi besar negeri, termasuk industri hiliran yang luas," kata Dato' Tuan Mohd Saripudin.

Lokasi terakhir di Kampung Gong Nangka menumpukan isu sistem saliran sawah. Komuniti mencadangkan pembinaan 'gate air' bagi menstabilkan bekalan air, memandangkan pesawah kini bergantung pada air hujan dan pam mudah alih.

"Perkara ini akan diteliti untuk diusulkan ke peringkat berkaitan," tambahnya.

Penubuhan YIK mantapkan sistem pendidikan Islam di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Disember - Penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang lahir daripada hasrat kerajaan negeri adalah untuk memantapkan dan memperkukuh sistem pendidikan di Islam Kelantan.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, YIK ditubuhkan bagi menyempurnakan aspirasi kerajaan negeri untuk melahirkan generasi berilmu, beriman dan ber-

takwa serta mampu menguruskan diri, keluarga, masyarakat dan ummah.

Menurutnya, penubuhan YIK melalui satu enakmen khas membolehkan sistem pendidikan berasaskan ketuhanan dibangunkan dengan lebih tersusun dan mantap.

"Dalam sistem ini, kerajaan memberi penekanan kepada aspek ilmu dan nilai. Walaupun falsafah pendidikan negara sudah baik dari sudut jasmani, emosi dan intelek, namun aspek ketuhanan perlu diperkukuh bagi menyambung tugas Nabi SAW dalam usaha menyempurnakan akhlak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sambutan Hari YIK yang bertemakan 'Guru Murabbi Pembina Generasi Rabbani' di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, pada Sabtu.

Kata beliau lagi, meskipun ramai pelajar kini cemerlang dalam bidang ilmu, namun pelbagai isu so-

sial seperti buli dan salah laku masih berlaku, sekali gus memperlihatkan kepentingan pendidikan berteraskan nilai dan akhlak.

"Ini tugas besar yang dipikul para guru. Selain mengajar dan melaksanakan pembelajaran, guru bertanggungjawab membentuk pelajar menjadi insan berilmu, beriman, bertakwa serta mampu berkhidmat untuk pembangunan ummah," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan YIK melahirkan tokoh agamawan, profesional dan saintis adalah hasil dedikasi para guru yang memainkan peranan sebagai murabbi sehingga pelajar bukan sahaja cemerlang ilmu, malah menyerlah akhlakunya.

Tambahnya, penubuhan intitusi di bawah YIK sentiasa disesuaikan dengan keperluan semasa, bermula dengan pembinaan Sekolah Menengah Ugama (SMU-A) dan Maahad Muhammadi bagi melahirkan ulama.

"Bagi memenuhi keperluan melahirkan ulama yang faqih, pondok moden berasaskan kitab turath diperkenalkan, selain penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat di Pulai Chondong untuk melahirkan pakar al-Quran serta Maahad Tahfiz Sains bagi melahirkan profesional dalam bidang berkaitan al-Quran," jelas beliau.

Mengulas tentang sambutan Hari YIK, Dato' Wan Roslan berkata, ia diadakan sebagai tanda penghargaan kepada warga YIK yang menunjukkan komitmen tinggi dalam melaksanakan amanah dan mencapai prestasi cemerlang.

Pada masa sama, kerajaan negeri tidak mengabaikan kebajikan guru biarpun berdepan kekangan kewangan.

"Kerajaan Negeri Kelantan tetap memperuntukkan bajet besar untuk pendidikan. Ini membuktikan keutamaan yang diberikan kerajaan dalam melahirkan pelajar berilmu dan berakhlak," jelasnya.



Penubuhan YIK mantapkan sistem pendidikan Islam di Kelantan

Roslin ke Mesir, Hafiz ke Arab Saudi, dua beradik anak Kelantan sandang ketua jurulatih badminton antarabangsa

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 10 Disember – Arena badminton dunia sekali lagi menyaksikan keupayaan Malaysia melahirkan jurulatih bertaraf antarabangsa apabila dua beradik kelahiran Kelantan, Roslin Hashim dan Hafiz Hashim, masing-masing dilantik sebagai ketua jurulatih badminton bagi dua negara Asia Barat dan Afrika Utara.

Hafiz, 42, juara Seluruh England 2003 telah memulakan tugas sebagai Ketua Jurulatih Badminton Arab Saudi sejak Ogos lalu, manakala abangnya, Roslin, 50, pula berangkat ke Kaherah untuk memulakan tugas sebagai Ketua Jurulatih Badminton Mesir di bawah kontrak selama tiga tahun.

Pelantikan dua beradik ini sebagai ketua jurulatih luar negara mengukuhkan legasi badminton Malaysia di peringkat global. Hafiz kini mengetuai skuad kebangsaan Arab Saudi di Dammam dengan kontrak setahun yang boleh diperbaharui.

Fokus utamanya ialah membawa pasukan itu mencapai kelayakan ke Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Sementara itu, Roslin, bekas pemain nombor satu dunia, menerima tawaran Persekutuan Badminton Mesir (EBF) sebagai sebahagian daripada persiapan jangka panjang



Mesir menuju Olimpik LA28.

Roslin berkata beliau memilih untuk menerima tawaran tersebut bagi menimba pengalaman baharu dalam kerjaya kejurulatihannya sekaligus mengembangkan kepakaran ke peringkat antarabangsa.

“Ini satu cabaran, saya ambil satu skop kerja yang baharu untuk saya. Cabaran memang besar, kalau tengok tugas yang saya harus pikul ini bukan tugas mudah, bukan hanya sebagai seorang jurulatih di sana tetapi juga sebagai seorang pengarah teknikal dan ketua jurulatih,” katanya sebagaimana dilaporkan BERNAMA ada 8 Disember.

Beliau menegaskan bahawa tahap badminton Mesir yang masih rendah adalah peluang untuk melakukan perubahan besar dan membina budaya latihan lebih progresif.

“Kita lihat dari segi tahap badminton di sana tidak begitu tinggi... jadi, saya nak buat sesuatu kepada pemain Mesir untuk keluar daripada zon selesa mereka.”

Roslin akan mengetuai pembangunan atlet Mesir untuk tempoh tiga tahun, merangkumi aspek teknikal, pengurusan latihan dan penyediaan pelan persediaan menuju sukan dunia.

Pada 25 Ogos lalu, Hafiz telah berlepas ke Arab Saudi bagi memulakan tugas sebagai ketua jurulatih badminton negara itu. Kontrak setahun yang ditandatangani boleh diperbaharui sekiranya prestasi pasukan mencapai sasaran.

Hafiz, yang pernah menggempakan dunia badminton dengan kejayaan di Seluruh England 2003, mahu membawa transformasi struktur latihan Arab Saudi

termasuk melahirkan pemain elit yang mampu memasuki kelayakan Olimpik.

Langkah Arab Saudi dan Mesir memilih jurulatih Malaysia menggambarkan keyakinan tinggi terhadap kemampuan Malaysia dalam melahirkan bakat kejurulatihan berkualiti.

Sehubungan itu, Exco Belia, Sukan, Perpaduan dan NGO YB Zamakhshari Muhammad merakamkan tahniah kepada dua jagoan anak Kelantan atas pelantikan Roslin dan Hafiz sebagai ketua jurulatih kebangsaan di dua negara berbeza itu dan menyifatkan kedua-duanya berjaya menjulang nama Malaysia, bahkan mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai negeri yang banyak melahirkan ikon sukan berprestasi tinggi.

“Dua adik-beradik, dua negara, satu legasi. Pelantikan ini menjadi bukti bahawa sumbangan pemain legenda Malaysia anak Kelantan tidak terhenti selepas bersara daripada gelanggang, sebaliknya diterjemah melalui kepimpinan, kepakaran dan dedikasi dalam membangunkan badminton dunia.

“Roslin ke Cairo dan Hafiz ke Dammam menjadikan landskap badminton antarabangsa terus menerima sentuhan Malaysia dari anak Kelantan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

